



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

UCAPAN

**YB. DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**dibaca oleh YBrs. Puan Farah Adura Binti Hamidi, Timbalan Ketua
Setiausaha (Operasi)**

PROGRAM

**PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK:
KASIH KANAK-KANAK**

LOKASI/TARIKH/MASA

**SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG SELAMAT, KUNAK
23 MEI 2025 (JUMAAT)
10.00 PAGI**

Kemas kini: 21 Mei 2025



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani, Salam Sabah Maju Jaya,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis,

SALUTASI

- **Akan dibekalkan secara berasingan -**

PENDAHULUAN

1. Pertamanya saya menyampaikan salam dari YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang tidak dapat bersama-sama kita pada hari ini atas tuntutan lain yang perlu diberi keutamaan. Saya akan membacakan ucapan beliau bagi mewakili KPWK.
2. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak** di Sekolah Kebangsaan (SK) Kg Selamat pada pagi yang penuh bermakna ini.

3. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selaku penganjur program, serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan Pejabat Pendidikan Daerah atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program ini khususnya di Daerah Kunak.
4. Pagi ini, kita berkumpul di sini dengan satu matlamat, iaitu untuk menggerakkan seluruh lapisan masyarakat termasuk ibu bapa, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), guru-guru, komuniti setempat serta para pelajar agar bersama-sama melindungi kanak-kanak dan mewujudkan persekitaran yang selamat untuk mereka.
5. Usaha ini juga secara langsung menyokong inisiatif kerajaan dalam mencegah penderaan fizikal, emosi, seksual, pengabaian, eksploitasi atau sebarang bentuk penganiayaan yang boleh mengancam keselamatan dan kebajikan kanak-kanak, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001.

PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK: KASIH KANAK-KANAK

6. Untuk pengetahuan para hadirin dan pelajar sekalian, Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak ini telah dilaksanakan di semua negeri di Malaysia

pada tahun 2024 termasuk 10 buah sekolah di Negeri Sabah. Susulan kejayaan tersebut, program ini disasarkan untuk dilaksanakan di 300 buah sekolah lagi sebagai kesinambungan usaha memperkasa kanak-kanak melalui advokasi perlindungan kanak-kanak.

7. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui JKM amat prihatin terhadap isu keselamatan kanak-kanak, khususnya penderaan dan pengabaian. Kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak semakin meningkat dan isu ini mendapat liputan meluas di pelbagai platform media sosial.
8. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan peningkatan kes penderaan kanak-kanak setiap tahun. Beberapa tahun kebelakangan ini, kita dikejutkan dengan kes tragis seperti penderaan fizikal terhadap seorang remaja OKU yang didera secara kejam oleh individu yang sepatutnya menjadi pelindungnya.
9. Selain penderaan fizikal, kita juga melihat peningkatan kes penderaan emosi dan pengabaian. Ada anak-anak kecil yang dikurung dalam rumah tanpa makanan dan perhatian, dipukul dengan objek keras bahkan ada yang dicerca hingga menjejaskan emosi dan keyakinan diri mereka.
10. Realitinya, isu penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak masih lagi membimbangkan di negeri kita. Di Negeri

Sabah sahaja, sebanyak 1,181 kes penganiayaan dan penderaan kanak-kanak telah direkodkan pada tahun 2024. Angka ini bukan sekadar statistik, tetapi mencerminkan 1,181 kisah luka, trauma, dan ketidakadilan yang dialami oleh anak-anak kecil yang sepatutnya dilindungi dan disayangi.

11. Program advokasi ini juga menjadi platform bagi kanak-kanak dan komuniti untuk memanfaatkan talian kasih 15999 atau melalui aplikasi Whatsapp 019-2615999 bagi kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang memerlukan bantuan segera. Penglibatan semua pihak amat penting sebagai mata dan telinga masyarakat dan segeralah melapor di Talian Kasih agar tindakan sewajarnya dapat diambil.
12. Saya berharap program kita pagi ini dapat meningkatkan kefahaman kita semua untuk lebih peka terhadap isu kanak-kanak, sekaligus membantu mengatasi permasalahan sosial yang berkaitan.
13. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat pada hari ini. Semoga pertemuan kita pada pagi ini memberi suntikan semangat untuk meningkatkan kefungsian dan peranan kita sebagai ahli masyarakat, serta memastikan kesejahteraan anak-anak kita sentiasa menjadi keutamaan.

14. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Pesta Kaamatan kepada semua khususnya bagi masyarakat Kadazan-Dusun dan pribumi Sabah. Semoga kita semua terus diberkati dengan kesihatan yang baik, rezeki yang melimpah dan hubungan silaturahim yang semakin erat. ***Kotobian Tadau Tagazo Do Kaamatan!***
15. Akhir kata, 1 rangkap pantun dari saya:
Padi kuning subur di simpang,
Air sungai mengalir tenang,
Kotobian Tadau Tagazo do Penampang,
Jemputan ini kami sambut dengan senang.
16. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak di SMK Limbanak, Penampang** pada hari ini.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.